

Biografi Legenda Emas Sepak Takraw Negara: Awalludin Bin Abdul Hamid

Fauzana Ali Nurul
Izzati Desa
Ap-Azli Bunawan
Kamarul Azwan Azman

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini selain berasaskan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh, juga berasaskan kepada sumber lisan yang telah dijalankan bersama bintang sukan sepak takraw negara pada suatu ketika dahulu iaitu Awalludin Bin Abdul Hamid yang telah menceritakan tentang latar belakang beliau sebagai bekas pemain sepak takraw negara. Penceritaan ini bermula dari kisah latar belakang kehidupan, alam persekolahan dan pertukaran bidang daripada sukan badminton kepada sukan sepak takraw. Selain penceritaan tentang penglibatan, beliau juga berkongsi pengalaman semasa menyertai kejohanan- kejohanan sepak takraw di dalam dan luar negara. Artikel ini juga menceritakan tentang aktiviti beliau selepas bersara daripada menjadi pemain sepak takraw negara.

Kata kunci : *Awalludin Bin Abdul Hamid, bersara, Kejohanan, pengalaman, Sepak takraw, Tokoh.*

Abstract

This article is based not only on sources from author's review and readings on this figure, but also based on an oral communication conducted with former national sports star Awalludin Bin Abdul Hamid who has narrated about his background as a former takraw national player. The story begins from the background of his life, his schooldays and how he has changed the field of interest from badminton to sepak takraw. Other than telling about his involvement, he also shared his experiences and participations in sepak takraw competition at national and international level. This article also discuss on his

activities after his retirement as a national sepak takraw player.

Keywords: *Awalludin Bin Abdul Hamid, retired, competition, Sepak takraw, experiences, figures.*

Latar Belakang Awalludin Abdul Hamid

Awalludin Abdul Hamid telah dilahirkan di Klang, Selangor dan kini menetap di Petaling Jaya. Bapa beliau bernama Abdul Hamid Bin Abdul Wahid manakala ibu beliau bernama Hasnah Binti Abas. Kedua-dua pasangan ini berasal dari Pandamaran, Klang Selangor. Beliau merupakan anak kedua daripada tiga orang adik beradik. Beliau mempunyai seorang kakak dan juga seorang adik perempuan.

Isteri beliau bernama Azlinda Binti Abdullah dan kini bekerja di Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai pembantu tadbir di bahagian penilaian. Mereka telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1997 dan dikurniakan lima (5) orang cahaya mata iaitu empat orang perempuan dan seorang lelaki. Kelima-lima anak beliau masih belajar dan berumur dalam lingkungan 7 sehingga 21 tahun.

Pendidikan pertama beliau adalah di Sekolah Rendah Kebangsaan Tengku Bendahara Azman di Pelabuhan Klang, Selangor dari darjah 1 sehingga darjah 6. Setelah tamat darjah 6, Awalludin telah mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah di Klang dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Selepas tamat sekolah menengah, beliau tidak menyambung pelajaran dan mula bekerja sebagai pekerja rendah awam di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan kini beliau bekerja sebagai penghantar notis, juga di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Penglibatan Awal Dalam Sukan Sepak Takraw

Sewaktu berumur tujuh tahun lagi Awalludin (2019) menyatakan bahawa beliau mula meminati sukan sepak takraw dan semasa zaman persekolahan, beliau mula berjinak dengan lebih mendalam dan mewaliki sekolah sewaktu berumur 10 tahun iaitu semasa darjah 4. Ibu bapa beliau telah

memberikan sokongan dan galakan kepada beliau menceburi bidang sepak takraw. Pada mulanya ibubapa beliau menggalakkan beliau menceburi bidang sukan badminton tetapi selepas beberapa bulan menjalani latihan badminton, beliau menyatakan hasratnya kepada ibubapanya bahawa beliau tidak meminati permainan badminton tetapi meminati sukan sepak takraw. Jadi ibu bapanya menyokong minat beliau dan memberi galakan sepenuhnya.

Kejohanan besar pertama yang disertai oleh beliau dalam sukan sepak takraw adalah pada tahun 1984. Beliau telah mewakili negeri Selangor dalam Kejohanan Majlis Sukan-Sukan Sekolah Malaysia dibawah umur 12 tahun di Pulau Pinang dan sewaktu itu beliau masih berusia 12 tahun. Selain itu, beliau juga telah mewakili negeri Selangor dalam kejohanan Majlis Sukan-Sukan Sekolah Malaysia dibawah umur 18 tahun. Selangor Darul Ehsan telah menjadi penyandang juara bagi kejohanan tersebut yang disertai oleh dua belas (12) buah negeri yang berlansung selama empat (4) hari itu (Mingguan Malaysia 1990). Ini bermaksud Pasukan beliau yang diketuai oleh beliau sendiri telah menjadi juara pada kejohanan tersebut yang pada masa itu diadakan di Pulau Pinang (Utusan Malaysia 1990).

Selain itu, menurut Kamaruddin (1991), Awalludin bersama rakannya Abdul Rahim Ikram dan Hazizal Ghazali juga telah mewakili Selangor dalam Kejohanan Sepak Takraw Belia Kebangsaan. Pada awal penglibatan beliau di dalam sukan sepak takraw, beliau memainkan peranan sebagai apit kanan semasa zaman persekolahan tetapi setelah Sepak Takraw Selangor mengadakan kem bakat untuk negeri Selangor, sahabat beliau iaitu Rosli Abdul Rahman telah memberi cadangan kepada beliau untuk bermain apit kiri dan semenjak itu beliau bermain sebagai apit kiri sehingga beliau bersara. Penglibatan beliau dalam sukan sepak takraw telah memberi impak yang besar kepada sukan sepak takraw negeri Selangor di mana Selangor merupakan sebuah negeri yang disegani di Malaysia dalam sukan ini.

Penglibatan dalam Skuad Kebangsaan

Awalludin telah mula memasuki skuad kebangsaan pada tahun 1995 di mana beliau dapat mewakili Malaysia untuk Kejohanan Sukan SEA (Sukan Asia Tenggara) pada tahun 1995 di Thailand. Kemudian, beliau telah mewakili Malaysia dalam Kejohanan Sukan SEA pada tahun 1997 di Indonesia. Selepas

mewakili Malaysia dalam Kejohanan Sukan SEA pada tahun 1995 dan 1997, beliau juga telah mewakili Malaysia untuk Kejohanan Sukan Asian pada tahun 1998 di Bangkok.

Sebelum beliau memasuki skuad kebangsaan, beliau pernah memasuki kelab pertama iaitu Kelab MBPJ (Majlis Perbandaran Petaling Jaya). Selain Kelab MBPJ, beliau juga pernah bermain untuk Kelab Telekom. Kemudian beliau menyertai pasukan negeri pada tahun 1992. Beliau mula bermain untuk pasukan negeri bagi kejohanan kebangsaan semasa beliau berumur 20 tahun. Beliau juga telah memasuki Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) dengan mewakili negeri Selangor pada tahun 1990 menentang Kuala Lumpur dan beliau memenangi tempat pertama untuk kategori pasukan dan regu.

Awalludin telah terpilih untuk menjadi skuad kebangsaan adalah disebabkan profil beliau kerana aktif sejak dari bangku persekolahan. Semasa di bangku persekolahan, beliau pernah memasuki Kejohanan Asian School di bawah 21 tahun, Kejohanan Belia Asia, dan Sukan Malaysia (SUKMA). Kemudian, selepas daripada menamatkan zaman persekolahan, beliau terus diperlawa oleh pengurus Kelab MBPJ (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) untuk mengikuti kelab tersebut. Beliau dipilih untuk skuad negara pada tahun 1992 sebagai menggantikan pemain yang tidak dapat menghadiri untuk Kejohanan King's Cup dan selepas beliau menyertai Kejohanan King's Cup, beliau terus diserap untuk pasukan kebangsaan. Beliau mula menyertai skuad kebangsaan semasa beliau berumur 20 tahun.

Selain itu, bagi kejohanan Sukan SEA pada tahun 1995 di Chiang Mai, Thailand, beliau telah dilatih oleh jurulatih yang bernama Haris Abdul Rahman dan Cikgu Yusof. Situasi berbeza pula dengan kejohanan Sukan SEA pada tahun 1997 di Jakarta Indonesia dimana beliau mempunyai pertukaran salah seorang jurulatih beliau iaitu Haris Abdul Rahman digantikan oleh Encik Paid manakala Cikgu Yusof masih menjadi jurulatih beliau. Posisi beliau semasa memasuki skuad kebangsaan adalah sama seperti semasa beliau bermain untuk kelab MBPJ iaitu posisi apit kiri.

Semasa beliau memasuki skuad negara untuk perlawanan Sukan SEA pada tahun 1995 dan 1997, beliau telah menunjukkan prestasi agak baik walaupun beliau tidak memenangi kejuaraan pingat emas untuk kedua-dua Sukan SEA, namun beliau telah memenangi pingat perak untuk Sukan SEA

Chiang Mai tahun 1995 untuk kategori berpasukan. Manakala pada Sukan SEA tahun 1997 di Jakarta, beliau telah mendapat pingat perak dalam kategori berpasukan. Antara kenangan manis yang beliau rasakan adalah saat beliau membawa bendera kebangsaan dan mengharumkan nama Malaysia semasa berada di peringkat antarabangsa. Namun kenangan pahit yang beliau tidak boleh lupakan adalah apabila beliau tidak dapat meraih pingat emas untuk kedua-kedua perlawanan.

Selain daripada terlibat dalam perlawanan Sukan SEA, beliau juga telah melibatkan diri dalam perlawanan sepak takraw di peringkat yang lebih tinggi iaitu Sukan Asia. Beliau mula menyertai Sukan Asia pada tahun 1998 iaitu Sukan Asia di Bangkok, Thailand. Beliau terpilih untuk mewakili skuad kebangsaan dalam Sukan Asia disebabkan prestasi beliau yang cemerlang semasa mewakili skuad kebangsaan dalam Sukan SEA. Beliau amat menitikberatkan prestasi supaya sentiasa cemerlang. Beliau juga dipilih berdasarkan perlawanan persahabatan yang disertainya. Daripada perlawanan persahabatan tersebut, bakat beliau terserlah dan dipilih untuk mewakili skuad negara untuk perlawanan Sukan Asia. Dalam perlawanan Sukan Asia tersebut, beliau telah meraih pingat perak dalam kategori pasukan. Beliau merasa kecewa kerana tidak dapat memberi pingat emas kepada negara.

Anugerah yang diterima

Awalludin tidak pernah mendapat sebarang anugerah individu. Namun dengan prestasi cemerlang, beliau dapat mewakili skuad negara dalam sukan terbesar iaitu Sukan SEA dan Sukan Asia. Beliau meraih pingat perak untuk ketiga-tiga perlawanan iaitu Sukan SEA 1995, Sukan SEA 1997 dan Sukan Asia 1998. (Fadzli,2013)



Aktiviti Selepas Bersara sebagai pemain sepak takraw

Pada tahun 2000 beliau bersara dari bidang sepak takraw kerana mempunyai sedikit krisis dengan Persatuan Sepak Takraw Malaysia. Selepas pencen, beliau menghabiskan masanya dengan hobi yang menarik. Antara aktiviti yang beliau lakukan pada masa lapang adalah berjinak-jinak dengan permainan bola sepak. Namun beliau tidak begitu selesa dalam permainan bola sepak. Kemudian pada tahun 2007, beliau telah mula berjinak-jinak dengan permainan golf sehinggalah sekarang.

Selain daripada melibatkan diri dalam permainan golf, beliau juga melibatkan diri sebagai seorang jurulatih permainan sepak takraw pada tahun 2019 untuk Kelab Sepak Takraw MBPJ (Majlis Perbandaran Petaling Jaya). Hal ini kerana para pemain Kelab MBPJ menginginkan beliau untuk menjadi jurulatih kerana sikap beliau yang penuh berdisiplin. Sebagai seorang jurulatih, beliau akan sentiasa memastikan anak-anak didiknya mengikuti cara beliau bermain sama seperti ketika beliau masih bergiat aktif dalam sepak takraw dan menjadi pemain yang berdisiplin. Beliau juga mencurahkan ilmu berdasarkan pengalaman-pengalaman yang beliau tempuhi semasa aktif dalam bidang sepak takraw.

Kesimpulan

Adalah diharapkan dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat mengenai informasi dalam bidang sukan sepak takraw di Malaysia khususnya. Dengan adanya kajian ini, masyarakat dapat lebih mengenali tokoh-tokoh sukan sepak takraw negara. Sekiranya golongan masyarakat terutamanya golongan anak muda penyambung warisan negara lebih mengenali tokoh seperti Encik Awalludin, mereka akan menjadi lebih minat untuk bermain sepak takraw.

Selain itu, diharapkan juga dengan adanya kajian ini, masyarakat di negara Malaysia akan lebih mengetahui pencapaian-pencapaian tokoh seperti Encik Awalludin dan berbangga dengan perjuangan dan usaha beliau dalam menaikkan nama Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa. Bukan setakat masyarakat Melayu, malah diharapkan masyarakat yang lain juga seperti India dan Cina lebih gemar mengambil tahu mengenai permainan sepak takraw ini. Dengan itu, tidak akan wujud jurang antara kaum ataupun tidak akan ada tembok yang memisahkan hubungan antara kaum di Malaysia kerana semuanya bersatu dalam sukan.

Seterusnya, dengan kajian ini, cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam permainan sepak takraw akan dapat dikaji dengan sebaiknya. Apabila cabaran-cabaran ini sudah dapat dikaji dan diungkap, maka sudah tentulah jalan penyelesaian bagi mengurangkan cabaran- cabaran ini dapat dilaksanakan serta dapat menjadikan imej sukan sepak takraw terpelihara sehinggalah pada masa yang akan datang. Dan sekiranya imej sukan speak takraw terpelihara, sudah tentu ramai yang akan berminat dalam bidang sukan ini. Deterusnya, ia dapat dikekalkan sepanjang zaman kerana sukan ini adalah warisan turun temurun di negara kita.

Rujukan

Awalludin Abdul Hamid (2019, October 21). *Temubual personal* (Fauzana & Nurul Izzati, Interviewer).

Fadzli, S. (2013, Januari 16). *Pasukan & Regu Emas Malaysia*. Retrieved from Info Takraw Disini Ceritanya Dikongsikan : <http://infotakraw.com/>

Kamaruddin Ismail. (1991, September 30). Selangor juara berpasukan. *Utusan Malaysia*.

Mingguan Malaysia (1990, Mei 13). Selangor antara 12 negeri turut serta takraw MSSM.

Utusan Malaysia. (1990, Mei 15). Selangor juara takraw MSSM.